

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10/10/2012

**Perbicaraan
Kes Dakwaan
Tipu Tun Dr.
Ling Liong Sik**



Liong Sik seorang jujur - Tun M

4M-10/10/2012
KUALA LUMPUR 9 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**) berkata, bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr. Ling Liong Sik, seorang yang jujur selain menjalankan tugasnya sebagai Menteri dengan baik terutamanya dalam aspek pembangunan Pelabuhan Klang.

Gambaran tersebut diberikan Dr. Mahathir di Mahkamah Tinggi di sini hari ini, ketika disoal oleh peguam Wong Kian Kheong selaku saksi keempat pihak pembelaan dalam perbicaraan kes Liong Sik yang didakwa atas tuduhan menipu Kerajaan Malaysia.



Terdahulunya, Kian Kheong bertanya, adakah Dr. Mahathir, 87, berpendapat bekas Presiden MCA itu mampu untuk melakuan penipuan fakta berhubung pembelian tanah bagi projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ).

Tun Mahathir dengan nada tenang menjawab, beliau yang mengenali Liong Sik sejak 30 tahun lalu ketika dia berada dalam MCA, tidak fikir yang tertuduh mampu melakukannya.

Soalan Kian Kheong bagaimanapun mengundang kemarahan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Tun Abdul Majid Tun Hamzah.

Tun Majid dengan nada tegas bangun membantah sambil mempersoalkan mengapakah Kian Kheong mengajukan soalan tersebut.

"Bagaimana kamu boleh bertanyakan soalan seperti ini kepada saksi. Mampu atau tidak melakukan penipuan, hanya tertuduh yang tahu," kata Tun Majid sambil menoleh dan menuding jarinya ke arah Liong Sik yang duduk di dalam kandang tertuduh.

Pada peringkat ini, kedengaran suara beberapa kenalan tertuduh yang duduk di galeri awam mengejek sambil berkata: "Boo."

Negarawan tersebut yang memberi keterangan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Asnawi dalam keterangan juga memberitahu, beliau tidak fikir ditipu ataupun dikelirukan Liong Sik berhubung harga pembelian tanah seluas 335.8 hektar milik Kuala Dimensi Sdn. Bhd. berjumlah RM1.08 bilion.

Ketika disoal sama ada harga tanah RM25 sekaki persegi (skp) bagi tempoh pembayaran balik selama 15 tahun termasuk kadar faedah, Dr. Mahathir menyatakan, ia adalah harga pembelian tanah secara tunai.

Katanya, tiada mana-mana menteri Kabinet mengadu kepada beliau atau mempersoalkan RM1.08 bilion adalah harga tanah termasuk nilai keseluruhan kadar faedah.

Liong Sik, 68, dituduh menipu kerajaan Malaysia dengan tidak mendedahkan kepada jemaah menteri fakta-fakta berkaitan pembelian tanah membabitkan RM1.08 bilion.

Dia didakwa melakukan penipuan itu antara 25 September dan 6 November 2002 di Tingkat 4, Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.

Dr. Mahathir dalam keterangannya semalam menyatakan, Kabinet pada 2 Oktober 2002 memutuskan kadar pembelian tanah PKFZ RM25 skp dan kaedah pembayaran balik berdasarkan 'bayaran tertunda' selama 15 tahun.

Beliau berkata, kadar RM25 skp itu juga tidak termasuk faedah kerana ia adalah harga bagi kaedah pembayaran tunai dan jumlah keseluruhan pembelian tanah RM1.08 juta, tidak termasuk kadar faedah.

Perbicaraan itu ditangguhkan sehingga 3 Disember depan bagi sebutan semula selepas Hakim Ahmad dimaklumkan oleh Kian Kheong yang pihaknya menghantar representasi kepada Peguam Negara supaya tiga pertuduhan terhadap anak guamnya itu dipertimbangkan semula.

Ini ekor dari pada penemuan terbaru melalui keterangan Dr. Mahathir dalam prosiding semalam dan hari ini.